



Pertingkatkan semangat patriotisme

BH 11/12 M S 6

» *Sultan Muhammad V minta rakyat menyumbang sesuatu untuk kekal keamanan*

Oleh Faiza Zainudin
faiza@bharian.com.my

■ Kuala Lumpur

Timbangan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V mengajak seluruh rakyat meningkatkan semangat patriotisme dan cintakan negara.

Baginda bertitah, sebagai rakyat Malaysia, semangat sedia berkorban demi negara perlu disemai dan disemarakkan se-

Negara, Tan Sri Ismail Omar.


Sultan Muhammad yang juga Sultan Kelantan bertitah untuk mengenang jasa pahlawan negara, sikap prihatin dengan memberi bantuan dan pertolongan wajar dilakukan bagi meringankan beban hidup mereka.

Waris dan balu pahlawan yang gugur titah baginda, amat memerlukan bantuan dan sokongan kerajaan dan rakyat dalam meneruskan kelangsungan hidup.

Bakti perlu diteruskan

Baginda yakin ingatan dan bantuan yang dihulurkan akan menjadi sumber inspirasi dan dorongan kepada mereka.

“Beta juga suka mengingatkan kepada pahlawan yang masih



berkhidmat, teruskan mencurah bakti anda demi keamanan, ketenteraman dan kesejahteraan negara.

“Ingatlah, harapan masyarakat adalah tinggi, maka laksanakan amanah dan tanggungjawab berkenaan dengan penuh komitmen dan bersungguh-sungguh.

“Tingkatkan semangat kepahlawanan, patriotisme, kesetiaan dan kecintaan demi agama, bangsa dan negara” titah ba-

INFO



Anggota Tentera Malaysia menyampaikan sojak Hari Pahlawan di Dataran Merdeka, semalam.

Sultan Muhammad V diringi Najib dan isteri, Rosmah bersalam dengan bekas pahlawan negara pada sambutan Hari Pahlawan 2012 di Dataran Merdeka, semalam. Turut serta Hishammuddin dan Zulkifeli (dua dari kanan).

panjang masa.
"Kita hendaklah berusaha dan berazam untuk terus menyumbang sesuatu yang berguna sesuai dengan bidang masing-masing dalam mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara," titah baginda pada majlis istiadat sambutan Hari Pahlawan 2012 di Dataran Merdeka, semalam.

Turut hadir, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein; Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin dan Ketua Polis

Hari pahlawan

- ⊙ 31 Julai - ditetapkan sebagai Hari Pahlawan sempena perisytiharan tamatnya zaman darurat pada 1960.
- ⊙ 4 Ogos 1968 - kali pertama disambut.
- ⊙ Bertujuan mengenang dan menghargai jasa pahlawan negara yang mempertahankan kedaulatan, mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara.
- ⊙ Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP), Panglima Gagah Berani (PGB), Jasa Perkasa Persekutuan (JPP) dan Pingat Tentera Udara (PTU) adalah antara pengiktirafan tertinggi kepada pahlawan negara.

bangsa dan negara," titah baginda.

Baginda turut melahirkan perasaan bangga terhadap sumbangan pasukan keselamatan ketika melaksanakan tugas pada peringkat antarabangsa termasuk di bawah panji-panji Perubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Setakat ini, 16,228 pegawai dan anggota tentera kita serta 4,100 pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia mencurahkan bakti bersama PBB.

"Kepercayaan badan dunia berkenaan dalam mengiktiraf Malaysia sebagai pasukan penganaman dan pemerhati bermula sejak 1960 lagi," titah baginda.



Perbarisan Askar Melayu Diraja sempena sambutan Hari Pahlawan, semalam. (FOTO CHAN WAI YEW/BH)



Pelbagai acara dan persembahan **mengingati perjuangan pahlawan** negara menentang musuh sempena Sambutan Hari Pahlawan 2012, semalam.

BH Digital



Untuk lebih gambar dan video sila layari
subscription.nstp.com.my

B/H 118/12 MS 7.





Antara persembahan yang melambangkan perpaduan dan keamanan negara.

